

13 terima anugerah kecemerlangan UPM

KUALA LUMPUR 22 Mei - Bekas Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Akademia Putra atas sumbangan besar beliau kepada negara terutama dalam bidang perubatan.

Dr. Aini yang merupakan saintis terkemuka tempatan dalam bidang penyelidikan pematangan dan penyakit *imunopresif avian* mengetuai 12 lagi tenaga akademik UPM, iaitu 11 penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor serta seorang penerima Anugerah Perunding Cemerlang.

Turut muncul sebagai salah seorang penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor bagi kategori Seni dan Kreativiti ialah Sasterawan Negara yang juga Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Datuk Dr. Ahmad Khamal Abdullah kerana sumbangannya dalam pembangunan ilmu.

Kesemua anugerah disampaikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah merangkap Canselor UPM dalam majlis di Dewan Besar UPM di sini hari ini.

Dalam pada itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dalam ucapannya berkata, beliau yakin anugerah tersebut mampu menyuntik semangat dan memperkukuh iltizam tenaga pengajarnya untuk melonjak UPM menjadi institusi pengajian tinggi terulung.

Katanya, pada masa sekarang pun, UPM muncul sebagai universiti awam tempatan paling banyak mengeluarkan graduan Ijazah Dok-



SULTAN Sharafuddin Idris Shah menyampaikan Anugerah Khas Akademia Putra kepada Aini Ideris dalam majlis di Dewan Besar UPM, Serdang, semalam.

- UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

tor Falsafah (PhD) selama tiga tahun berturut-turut di samping turut memiliki peratusan tenaga akademik dengan kelulusan PhD tertinggi.

"Anugerah itu merupakan wadah untuk meraikan apresiasi terhadap mereka yang cemerlang dan mengharumkan nama universiti di persada nasional dan antarabangsa. Anugerah ini sebahagian daripada pengiktira-

fan UPM terhadap keazaman, kegigihan dan pencapaian mereka.

"Universiti memerlukan komitmen, keazaman dan inovasi mereka kerana kita telah menetapkan tekad untuk berada dalam kalangan 200 universiti terbaik dunia terutama dalam bidang berkait dengan teknologi pertanian," katanya.

Sementara itu, Dr. Aini ketika dite-

Penerima Anugerah Akademia Putra

Anugerah Khas Akademia Putra

Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris

Anugerah Fellowship Naib Canselor

- 1) Prof. Dr. Mohd. Zamri Saad (Kategori Penerbitan Buku)
- 2) Prof. Dr. Azni Idris (Kategori Inovasi dan Pengkomersialan Produk)
- 3) Prof. Dr. Mohd. Rafii Yusop (Kategori Penyelidik Cemerlang)
- 4) Prof. Dr. Maznah Ismail (Kategori Penerbitan Makalah Jurnal-Kluster Sains dan Teknologi)
- 5) Prof. Madya Dr. Law Siong Hook (Kategori Penerbitan Makalah Jurnal-Kluster Sains Sosial)
- 6) Prof. Madya Dr. Ahmad Zaharin Aris (Kategori Penyelidik Muda-Kluster Sains dan Teknologi)
- 7) Prof. Madya Dr. Saleh Kadzimin (Kategori Pengajar Cemerlang-Kluster Sains Gunaan dan Kejuruteraan)
- 8) Datuk Dr. Ahmad Khamal Abdullah (Kategori Seni dan Kreativiti)
- 9) Dr. Hazilawati Hamzah (Kategori Pengajar Muda-Kluster Sains Tulen dan Kesihatan)
- 10) Dr. Siti Zaharah Sakimin (Kategori Pengajar Muda-Kluster Sains Gunaan dan Kejuruteraan)
- 11) Johan Ismail (Kategori Pengajar Cemerlang-Kluster Sains Tulen dan Kesihatan)

Anugerah Perunding Cemerlang

Prof. Madya Dr. Raja Syamsul Azmir Raja Abdullah

mui pemberita berkata, pengiktirafan yang diterima memberi semangat kepada beliau untuk terus menyumbang kepakarannya dalam bidang 'Avian' kepada negara khususnya kepada pihak industri penternakan.

Beliau yang memuji UPM kerana muncul universiti peneraju dalam memperkenalkan anugerah akademia percaya, lebih banyak tenaga akademik tempatan yang memiliki

kepakaran khusus mampu dilahirkan kerana merasai sumbangan mereka mendapat pengiktirafan setimpal.

"Paling penting anugerah seperti ini memberi suntikan semangat kepada tenaga akademik muda untuk terlibat dalam penyelidikan dan sebagai orang lama, saya bersedia bukan sahaja berkongsi pengalaman tetapi menawarkan kepakaran kepada mereka," katanya.